

Format baharu jejas prestasi calon

BH
18/11/16
mls 6

➔ Hanya 4,896 atau 1.11 peratus daripada 452,751 calon peroleh keputusan cemerlang semua Gred A.

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Format baharu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2016 memberi kesan kepada calon apabila hanya 4,896 atau 1.11 peratus daripada 452,751 calon memperoleh keputusan cemerlang semua Gred A.

Jumlah itu jauh jika dibandingkan tahun lalu yang menyaksikan seramai 38,344 atau 8.65 peratus daripada 443,407 calon berjaya memperoleh A dalam semua subjek.

Malah, Gred Purata Nasional 2.96 bagi UPSR 2016 berbanding 2.27 pada tahun lalu.

Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof, berkata pencapaian calon UPSR 2016 dilapor berdasarkan pelaksanaan kurikulum dan format peperiksaan baharu tanpa membuat perbandingan dengan pencapaian tahun lalu.

Budayakan unsur KBAT

“Calon peperiksaan UPSR tahun ini adalah kohort pertama yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan melengkapi pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sejak 2011, di samping membudayakan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).”

“Keputusan tahun ini tidak boleh dibandingkan secara terus dengan tahun lalu kerana sebelum

Pencapaian Calon UPSR Tahun 2016

Pencapaian Calon	Bilangan	Peratus
Semua A	4,896	1.11
Maksimum 1B	8,345	1.89
Minimum 2B	35,752	8.11
Minimum 1C	91,366	20.73
Minimum 1D	152,825	34.67
Minimum 1E	137,262	31.14
Semua E	9,519	2.16
Lain-lain kombinasi	817	0.19
GRED PURATA	2.96	

ini keputusan dibuat berdasarkan tiga gred untuk mencapai tahap minimum iaitu A, B dan C, manakala tahun ini, empat gred iaitu A, B, C dan D.

Berpuas hati keputusan

“Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan keputusan UPSR tahun ini kerana murid bukan sahaja dapat menjawab soalan aneka

pilihan, tetapi mampu menjawab soalan terbuka yang memerlukan daya fikir tinggi untuk menjawab,” katanya pada sidang media pengumuman UPSR 2016, di sini semalam.

Pada tahun ini, seramai 8,345 calon (1.89 peratus) memperoleh keputusan maksimum 1B; 35,752 calon (8.11 peratus) memperoleh minimum 2B dan 91,366 calon

(20.73 peratus) mendapat minimum 1C.

Seramai 152,825 calon (34.67 peratus) pula meraih minimum 1D; 137,262 calon (31.14 peratus) mendapat minimum 1E dan 9,519 calon (2.16 peratus) mendapat semua E.

Selain itu, kata Khair, prestasi calon bandar adalah lebih baik berbanding calon luar bandar bagi pencapaian semua A, maksimum 1B, minimum 2B dan minimum 1C.

“Peratusan calon yang mendapat pencapaian cemerlang iaitu semua Gred A di bandar ialah 1.48 peratus atau 3,174 calon manakala luar bandar adalah sebanyak 0.76 peratus atau 1,722 calon. Ini bermakna jurang pencapaian cemerlang antara calon bandar dan luar bandar ialah sebanyak 0.72 peratus,” katanya.

Tambah beliau, bagi pelaporan UPSR tahun depan pihaknya berharap ia akan menggambarkan profil menyeluruh, bukan hanya membabitkan keputusan UPSR, pentaksiran sekolah, kegiatan jasmani, sukan, kokurikulum dan psikometrik sahaja sebaliknya turut mengambil kira penguasaan ilmu, nilai sahsiah, aktiviti, kecenderungan serta minat pelajar.

Untuk komen
e-mel ke bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook BH Online

Untuk video
layari www.bharian.com.my

Putrajaya kekal keputusan terbaik

18 NOV 2016
U.R.D
M.R.P.J

BH
18/11/16
mls 7

→ Catat Gred Purata Negeri 2.43 pada tahun ini berbanding 1.75 tahun lalu

► Kuala Lumpur

Putrajaya sekali lagi muncul terbaik dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dengan mencatat Gred Purata Negeri (GPN) 2.43 pada tahun ini berbanding 1.75 pada tahun lalu.

Bagaimanapun, dari segi pencapaian jumlah calon yang memperoleh semua Gred A, Se-

jumlah itu membabitkan 164 pelajar yang memperoleh 6A bagi Sekolah Kebangsaan, manakala selebihnya memperoleh 8A bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Di **Pulau Pinang**, Pemangku Pengarah Pelajaran negeri, Mohd Jamil Mohamed, berkata seramai 399 calon UPSR 2016 Pulau Pinang berjaya mencatatkan keputusan semua Gred A daripada 22,215 calon membabitkan 271 sekolah.

Di **Kuala Lumpur**, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan, Datuk Foziah Buang, berkata seramai 308 daripada 20,676 calon memperoleh semua Gred A dengan GPN 2.77.

“Keputusan peperiksaan bukan hanya pada peperiksaan saja. Ini termasuk pelaporan pentaksiran sekolah (PS), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kebudayaan (PAJSK)

Info

KEPUTUSAN UPSR 2016 BERBANDING TAHUN 2015

Negeri	Semua A			Gred Purata Negeri	
	% 2016	Jumlah calon 2016	Jumlah calon 2015	2016	2015
Putrajaya	2.2	38	260	2.43	1.75
Terengganu	1.33	271	2,558	2.95	2.10
Kelantan	1.09	320	3,527	3.03	2.14
Melaka	1.19	159	1,311	2.83	2.16
P Pinang	1.79	399	2,430	2.77	2.17
Johor	1.25	671	4,878	2.84	2.18
Negeri Sembilan	1.5	247	1,806	2.82	2.18
Kuala Lumpur	1.52	308	1,828	2.77	2.19
Pahang	1.27	296	2,439	2.96	2.21
Selangor	0.11	1,025	7,354	2.85	2.23
Kedah	0.88	280	2,978	3.04	2.24
Perak	1.05	363	2,929	3.97	2.30
Perlis	1.21	45	346	3.09	2.32
Sarawak	0.69	284	1,998	3.15	2.48
Sabah	0.43	187	1,612	3.29	2.62
Labuan	0.54	7	65	3.11	2.52
Jumlah	1.11	4,896	38,319*	296	2.27

Nota: Tidak termasuk calon UPSR sekolah swasta.*

langor cemerlang dengan 1,025 atau 0.11 peratus daripada 87,229 calon yang mendaftar untuk UPSR 2016, manakala purata negeri (GPN) 2.85.

Pengarah Pendidikan Selangor, Mohd Salleh Mohd Kasim, berkata nilai GPN itu adalah 0.11 mata lebih baik berbanding pencapaian Gred Purata Nasional iaitu 2.96.

Di **Johor**, seramai 671 atau 1.25 peratus daripada 54,678 calon yang menduduki format baharu UPSR itu memperoleh semua Gred A dengan mencatat GPN 2.84, mengatasi pencapaian Gred Purata Nasional sebanyak 0.12 mata

Pengarah Pendidikan negeri, Shaharudin Sharif, berkata calon yang lulus semua mata pelajaran ialah seramai 38,331 orang iaitu 71.39 peratus, manakala jurang peratusan calon mendapat pencapaian cemerlang di bandar dan luar bandar adalah sebanyak 0.4 peratus.

Di **Sarawak**, 284 pelajar mencatatkan keputusan A bagi semua subjek yang mewakili 0.69 peratus daripada keseluruhan 41,380 calon yang menduduki peperiksaan itu.

Pengarah Pendidikan Sarawak, Rakayah Madon, berkata

kan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi)," katanya.

Di **Perak**, Pengarah Pendidikan negeri, Datuk Rozi Puteh Ismail, berkata seramai 23,186 atau 67.26 peratus calon menguasai tahap ABCD, manakala 1,010 calon atau 2.93 peratus calon mencatatkan semua E dalam mata pelajaran yang diambil.

Prestasi calon bandar memberangsangkan

"Prestasi calon bandar adalah memberangsangkan dengan 240 memperoleh semua Gred A berbanding 123 calon di luar bandar. Ini bermakna jurang pencapaian cemerlang antara bandar dan luar bandar adalah sebanyak 0.86 peratus," katanya.

Sementara itu, di Sabah, seramai 187 calon 43,661 calon mendaftar untuk menduduki UPSR 2016 memperoleh keputusan cemerlang semua Gred A dengan GPN 3.29.

Pengarah Pendidikan Sabah, Datuk Maimunah Suhaibul, berkata daripada jumlah itu seramai 167 calon memperoleh semua Gred A bagi SK, manakala 20 calon dari SJK Cina atau 0.43 peratus daripada keseluruhan calon.



Prestasi calon bandar adalah memberangsangkan dengan 240 memperoleh semua Gred A berbanding 123 calon di luar bandar. Ini bermakna jurang pencapaian cemerlang antara bandar dan luar bandar adalah sebanyak 0.86 peratus"

Rozi Puteh Ismail,
Pengarah Pendidikan
Perak

Seramai 296 calon UPSR 2016 di Pahang mendapat keputusan cemerlang apabila memperoleh semua A dalam mata pelajaran yang diduduki.

Pengarah Pendidikan negeri, Datuk Rosdi Ismail, berkata jumlah itu adalah 1.27 peratus daripada 23,351 keseluruhan calon yang menduduki UPSR tahun ini.

Di **Negeri Sembilan**, seramai 247 orang atau 1.5 peratus daripada 16,839 calon berjaya mendapat keputusan semua Gred A dengan GPN 2.82 peratus.

Pengarah Pendidikan negeri, Rusni Ab Jalil, berkata peratusan calon mendapat semua A dan B adalah seramai 1,981 calon atau 11.9 peratus.

Di **Terengganu**, Pengarah Pendidikan negeri, Sharuddin Ali Hussein, berkata seramai 271 atau 1.33 peratus daripada keseluruhan 20,341 calon UPSR memperoleh keputusan semua Gred A.

Beliau berkata, keseluruhan pencapaian UPSR di Terengganu agak menurun berikutan pelaksanaan format baharu dan pencapaian dalam dua subjek iaitu bahasa Inggeris Penulisan dan Sains agak rendah.